

BIDANG IBADAT

PRAKTIS 1 : SOALAN OBJEKTIF

- 1 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai ibadah sai
- A Haji sah tetapi dikenakan dam jika meninggalkannya
 - B Wajib mempunyai wuduk apabila mengerjakannya
 - C Wajib masuk ke tempat sai melalui pintu Safa
 - D Bermula dari Safa dan berakhir di Marwah
- 2 Kelebihan mengerjakan ibadat haji kepada masyarakat ialah _____
- A meningkatkan kesabaran
 - B menghapuskan dosa kecil
 - C mengeratkan silaturrahim
 - D meningkatkan keimanan
- 3 Masa bercukur bagi orang yang mengerjakan umrah ialah selepas _____.
- A melontar di jamrah.
 - B bermalam di Mudzalifah.
 - C melakukan tawaf rukun.
 - D mengerjakan sai.

Syarifah telah memotong rambutnya ketika dalam ihram haji

- 4 Apakah implikasi perbuatan tersebut terhadap ibadah hajinya ?
- A Hajinya sah tetapi wajib membayar dam
 - B Hajinya sah dan tidak wajib membayar dam
 - C Hajinya tidak sah tetapi wajib membayar dam
 - D Hajinya tidak sah dan tidak wajib membayar dam
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang bermalam di Muzdalifah.
- A Selepas separuh malam ke 10 Zulhijjah.
 - B Selepas separuh malam ke 11 Zulhijjah.
 - C Pada malam ke 12 Zulhijjah.
 - D Pada malam ke 9 Zulhijjah.

- Barang telah rosak atau hilang.
- Tidak menepati syarat

- 6 Pernyataan di atas menyebabkan sewaan _____
- A tidak sah
 - B tamat kontrak
 - C tidak perlu dibayar
 - D tertangguh bayaran

- Dapat membantu orang yang susah.
- Mengelak daripada sikap malas dan meminta-minta.

- 7 Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah _____
- A sewa.
 - B gadaian.
 - C syarikat.
 - D hutang.

- 8 Berikut adalah perkara yang sunat dilakukan ketika menyembelih binatang, **kecuali**
- A membaca basmalah
 - B menggunakan alat yang tajam
 - C menghadapkan binatang ke arah kiblat
 - D menyembelih binatang pada waktu siang
- 9 Antara yang berikut yang manakah syarat sah binatang sembelihan?
- I Halal dimakan
 - II Alat sembelihan yang tajam
 - III Putus urat halkum dan marik
 - IV Penyembelih beragama Islam
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 10 Berikut adalah perkara yang sunat dilakukan ketika akikah **kecuali**
- A menyembelih binatang akikah pada hari ketujuh kelahiran bayi.
 - B memasak manis daging akikah dan dibuat jamuan.
 - C mencukur rambut bayi selepas menyembelih.
 - D mematah-matahkan tulang binatang akikah.
- Melahirkan sifat kerjasama dan rasa kasih sayang sesama insan
 - Memberi jaminan kepada pemberi hutang
- 11 Pernyataan di atas merujuk kepada _____
- A syarat sah gadaian
 - B proses gadaian
 - C kesan gadaian
 - D hikmah gadaian
- 12 Manakah antara berikut **tidak benar** tentang tujuan insurans yang diharuskan dalam Islam ?
- A Membantu ahli yang ditimpa musibah.
 - B Dapat berkongsi keuntungan secara tetap
 - C Ahli akan menerima ganti rugi apabila berlaku musibah.
 - D Pemilik kenderaan terjamin dengan perlindungan yang dibeli.
- 13 Kesan terhadap individu sekiranya sesuatu perkahwinan dilakukan tidak mengikut undang-undang keluarga Islam ialah _____
- A dipandang serong oleh masyarakat
 - B anak-anak tidak mendapat perhatian
 - C masyarakat akan menjadi kucar kacir
 - D mencemar nama baik keluarga kedua belah pihak
- 14 Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai perkahwinan dalam Islam.
- A Memenuhi fitrah dengan cara yang halal.
 - B Suami isteri wajib mengatur kehidupan berkeluarga.
 - C Suami berkewajipan memberi nafkah kepada isteri dan anak.
 - D Isteri wajib memberi nafkah kepada anak untuk membantu suami.

Isteri meminta diceraikan dengan membayar RM2000 kepada suami
Suami berkata: "Aku talakkan engkau dengan bayaran sebanyak itu"

- 15 Pernyataan di atas merujuk kepada _____
- A Fasakh
 - B Khuluk
 - C Zihar
 - D Lian

Seseorang wanita haram dikahwini disebabkan penyusuan

- 16 Antara syarat pengharaman hubungan tersebut ialah
- A mempunyai hubungan kekeluargaan
 - B umur kanak-kanak melebihi dua tahun
 - C telah menyusu lima kali kenyang atau lebih
 - D wanita yang menyusukan itu pernah berkahwin
- 17 Tujuan utama sesebuah perkahwinan itu perlu mengikut syariat Islam adalah untuk _____
- A menjamin perkahwinan itu sah.
 - B mendapat ganjaran pahala.
 - C merapatkan silaturrahim.
 - D memelihara maruah.
- 18 Manakah antara berikut **bukan** syarat suami yang hendak rujuk dengan isterinya?
- A Islam.
 - B Berakal.
 - C Mumayyiz.
 - D Kemahuan sendiri.

Menyelamatkan akidah isteri dan anak-anak ekoran daripada suami yang murtad

- 19 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas
- A Li'an
 - B Zihar
 - C Khuluk
 - D Fasakh
- 20 Hukum mengambil anak angkat ialah _____
- A wajib
 - B sunat
 - C harus
 - D sunat muakkad